

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2025**

PERTANYAAN : WAKTU PERTANYAAN MENTERI NO 1

**DARIPADA : YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR
[SETIU]**

TARIKH : 6 MAC 2025 (KHAMIS)

SOALAN

YB TUAN SHAHARIZUKIRNAIN BIN ABD KADIR [SETIU] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menjelaskan tindakan tegas yang telah diambil oleh kementerian dalam membanteras penyeludupan *e-waste* ke dalam negara, susulan serbuan besar-besaran ke atas kilang haram memproses sisa elektronik di beberapa negeri baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian memandang serius isu penyeludupan *e-waste* ke dalam negara. Malaysia **tidak membenarkan pengimportan e-waste** berdasarkan polisi semasa negara dan ***Ban Amendment*** di bawah Konvensyen Basel yang melarang negara *The Organization for Economic Cooperation and Development* (OECD) mengeksport sisa berbahaya dari negara maju ke negara membangun.
2. Op Hazard yang dilaksanakan serentak di seluruh negara hasil kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) melibatkan pemeriksaan ke atas 47 premis berjaya menyita sebanyak 15,764.90 MT *e-waste* yang dianggarkan bernilai RM55 juta. Pemeriksaan mendapati bahawa 30 premis beroperasi secara haram, 7 premis merupakan premis barang lusuh, 6 premis berlesen di bawah JAS, 3 premis berlesen di bawah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan 1 gudang haram.
3. Lokasi premis-premis tersebut berada di kawasan industri dan terdapat juga di luar kawasan industri seperti di tanah rizab, ladang kelapa sawit dan kawasan hutan. Premis-premis ini kebanyakannya beroperasi secara haram dan tidak dilesenkan oleh PBT. Operasi kilang-kilang ini didalangi oleh warganegara asing yang menggunakan tenaga kerja daripada Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) atau pekerja yang menyalahgunakan permit kerja.
4. Kesemua premis yang terlibat telah disiasat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974) (Akta 127), yang merangkumi pelbagai kesalahan, antaranya:
 - i. Seksyen 16, AKAS 1974 – Gagal mematuhi syarat lesen yang ditetapkan.
 - ii. Seksyen 18, AKAS 1974 – Menjadi kemudahan penstoran luar tapak buangan terjadual tanpa lesen JAS.
 - iii. Seksyen 19, AKAS 1974 – Gagal mengemukakan kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Alam Sekitar.

SOALAN MQT NO : 1

- iv. Seksyen 34A, AKAS 1974 – Gagal mengemukakan laporan kajian EIA.
- v. Seksyen 34B, AKAS 1974 – Menempatkan buangan terjadual tanpa kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar.

5. Sehubungan itu, 37 premis telah dikenakan tindakan Penahanan Operasi Kelengkapan (POK) di bawah Seksyen 38(1)(a), AKAS 1974 terhadap mesin-mesin pengeluaran yang digunakan di dalam premis tanpa sebarang alat kawalan. Selain itu, sebanyak 59 Notis Arahan dan 27 kompaun telah dikeluarkan atas pelbagai kesalahan di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Sebanyak 52 kertas siasatan juga akan dibuka bagi tujuan tindakan mahkamah.

6. Di bawah Seksyen 34B, AKAS 1974, sebarang penempatan buangan terjadual, sama ada di darat atau dalam perairan Malaysia, serta aktiviti transit atau membenarkan e-waste ditransit tanpa kelulusan Ketua Pengarah Alam Sekitar, adalah satu kesalahan. Jika sabit kesalahan, hukuman yang boleh dikenakan adalah denda maksimum RM10 juta dan penjara tidak melebihi 5 tahun, berdasarkan Akta Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2024.

7. Kementerian juga sedang meneliti beberapa cadangan serta tindakan tegas seperti berikut:

- i. Penurunan kuasa Akta Kualiti Alam Sekeliling (AKAS) 1974 kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk jenayah alam sekitar;
- ii. Masukkan jenayah alam sekitar di bawah Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA) 2001, Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959, dan Undang-Undang Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) (SOSMA) 2012;
- iii. Pindaan Akta Pelabuhan dan Peraturan Zon Bebas untuk tindakan terhadap ejen perkapalan yang membuat perisytiharan palsu;
- iv. Menyensaraitamkan syarikat-syarikat yang kerap melanggar undang-undang;

SOALAN MQT NO : 1

- v. Pindaan AKAS 1974 agar semua aktiviti kitar semula berada di bawah Jadual Kedua Perintah Kualiti Alam Sekitar;
- vi. Mewujudkan perundangan khusus untuk pengurusan pengimportan sisa;
- vii. Mewajibkan pemeriksaan pihak ketiga bagi negara pengekspor sisa untuk memastikan barangan sesuai dengan ikrar;
- viii. Mengharamkan pengimportan sisa dari negara yang tidak meratifikasikan Konvensyen Basel; dan
- ix. Mengutamakan sisa tempatan dan pengimportan sisa yang diperlukan oleh industri negara.

Sekian, terima kasih.